



Oleh **FATTAH MOHD. SAPIAI**  
Foto **ROSNI MASRI**

# RENCANA UTAMA

**PAMERAN** gambaran suasana pekerja di lombong arang batu.



**REPLIKA** terowong industri perlombongan arang batu di Labuan yang bermula pada tahun 1847.



**MENARA** Chimney ini bukti peninggalan aktiviti perlombongan arang batu di Kampung Lubok Temiang, Jalan Tanjung Kubong, Labuan.

# Sejarah arang batu Muzium Chimney

Muzium Chimney, Tanjung Kubong, Labuan menyimpan sejarah kegemilangan kawasan tersebut yang terkenal dengan aktiviti perlombongan arang batu pada tahun 1847 sehingga 1912.



**EKA BUDIMAN**

**B**ELUM pun tiba di lokasi yang dituju, raut wajah **Eka Budiman Sumadji**, 45, jelas teruja saat melihat dari jauh sebuah menara yang tersergam elok di pekarangan Muzium Chimney, Tanjung Kubong, Labuan.

Sebagai seorang penulis blog kembang dari Indonesia, **Eka Budiman** sememangnya gemar berkunjung ke tempat yang mempunyai sejarah tersendiri.

Sewaktu melangkah masuk, matanya ralit memerhatikan bahan-bahan pameran yang

*KOSMO 13/10/2019 M/S 20*  
dan kini ia lebih dikenali sebagai lokasi pelancongan serta hab gas dan minyak. Justeru, sudah pasti ramai yang tidak mengetahui bahawa sejarah awal industri di wilayah tersebut bermula dengan perlombongan arang batu.

Misalnya, di Tanjung Kubong yang terletak kira-kira 12 kilometer di utara bandar Labuan, kawasan itu pernah menjadi pusat simpanan arang batu oleh syarikat Inggeris selama 65 tahun bermula 1847 sehingga 1911.

batu di Tanjung Kubong yang lebih dikenali sebagai *Coal Point*.

Kewujudan arang batu di Labuan mula dilaporkan oleh Captain Sir Edward Belcher pada tahun 1844 yang kemudiannya menarik



**NURLINA**

memenuhi muzium tersebut.

“Saya memang gemar mempelajari sejarah sesuatu kawasan apatah lagi lokasi di luar negara. Sebelum ke sini, saya sudah mencari maklumat tentang muzium ini.

“Bagi saya, sejarah berkaitan arang batu adalah sesuatu yang menarik kerana ia menjadi sumber bahan api utama suatu ketika dahulu,” katanya.

Tambah Eka Budiman, perkara yang membuatnya tertarik di Muzium Chimney ialah replika terowong yang menampilkan aksi beberapa patung manusia mengangkat arang batu.

“Saya seolah-olah dapat merasai sendiri bagaimana aktiviti itu dijalankan suatu ketika dahulu,” ujarnya.

Pada tahun 2015, Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai 96,800 penduduk

**ANTARA** roda dan rel kereta api yang berjaya ditemui.



## Warisan

Tanjung Kubong memainkan peranan penting dalam sejarah Labuan kerana simpanan arang batunya menjadi antara sebab mendorong Inggeris menduduki pulau tersebut.

Pada tahun 2000, sebuah muzium yang diberi nama Muzium Chimney telah didirikan di atas tapak perlombongan arang batu Tanjung Kubong.

**Penolong Kurator Muzium Chimney, Nurlina Hamza** berkata, objektif utama penubuhan muzium tersebut adalah untuk memulihara warisan sejarah di Labuan khususnya di Tanjung Kubong yang memiliki banyak tapak bersejarah.

Ujarnya, Muzium Chimney dibuka kepada orang ramai sejak Oktober 2002 dan kawasan itu terbahagi kepada dua komponen iaitu bangunan Pusat Informasi Chimney dan Menara Chimney.

“Pusat Informasi Chimney berfungsi sebagai sebuah muzium yang mempamerkan sejarah awal perlombongan arang batu di Tanjung Kubong.

“Menara Chimney pula adalah bukti peninggalan aktiviti perlombongan arang batu yang telah berusia lebih seabad,” katanya kepada *K2* ketika ditemui baru-baru ini.

Bermula daripada tahun 1847, syarikat-syarikat perlombongan Inggeris silih berganti mengeksploitasi sumber arang

minat kerajaan British untuk menduduki pulau tersebut.

Perlombongan arang batu di Labuan dimulakan oleh William Henry Miles yang mendapat kontrak membekalkan arang batu kepada Tentera Laut Diraja British bermula dari April 1847 hingga 1849.

Kaedah perlombongan arang batu di Labuan dimulakan dengan menggali lapisan permukaan khususnya di pinggir pantai sebelum diteruskan ke bawah tanah yang memerlukan pembinaan terowong bermula pada tahun 1860-an.

Hal itu dikatakan kerana lapisan permukaan beransur habis dan penurunan kualiti disebabkan bercampur dengan tanah liat dan kotoran.

## Tujuh terowong

Ketika zaman kegemilangan industri itu, terdapat kira-kira tujuh terowong perlombongan arang batu di sekitar Tanjung Kubong yang dibina sama ada berasingan dan berhubung antara satu sama lain.

Pembinaan laluan kereta api sejauh kira-kira 15 kilometer sekitar 1890 oleh syarikat New Central Borneo dari Tanjung Kubong hingga ke Pelabuhan Victoria juga berkait rapat dengan aktiviti perlombongan.

Ia bagi memudahkan kegiatan pengangkutan dari kawasan perlombongan ke pusat pengumpulan atau ke pelabuhan.

Perlombongan diteruskan sehingga tahun 1911 oleh beberapa syarikat perlombongan

W03 Mo  
(31/01/2019) m/s 21

Inggeris dengan pengeluaran terbaiknya pernah mencapai 5,000 tan seminggu.

Bagi tempoh hampir 65 tahun, sebanyak hampir setengah juta tan arang batu telah dilombong dan sebahagian besarnya adalah di Tanjung Kubong.

Pekerja-pekerja lombong pula sebahagian besarnya adalah terdiri daripada imigran Cina yang dibawa dari Singapura dan Hong Kong, kaum peribumi Brunei, Sarawak dan Tanah Melayu serta banduan-banduan dari India.

Bagaimanapun, masalah kekurangan pekerja masih berlaku dan hal itu bertambah buruk apabila pekerja-pekerja turut mengadakan rustuhan di kawasan perlombongan sehingga menyebabkan syarikat-syarikat perlombongan gagal untuk beroperasi secara optimum.

Selain masalah kekurangan tenaga buruh, penularan wabak penyakit, ketidakcekapan pengurusan dan saingan daripada bahan api seperti minyak telah menyebabkan kemerosotan pengeluaran arang batu yang akhirnya membawa kepada terhentinya industri tersebut di Labuan pada 1912.

Selain itu, ada yang turut menyatakan bahawa sebab utamanya adalah kegagalan mengatasi masalah air yang sering menyebabkan terowong banjir dan runtuh.

Hari ini, hanya Menara Chimney, tinggalan terowong serta bekas tapak bangunan dan perkuburan Eropah yang masih tinggal sebagai bukti wujudnya aktiviti perlombongan di Tanjung Kubong suatu ketika dahulu.

Menara Chimney dipercayai dibina pada awal 1900 ketika kemuncak industri perlombongan arang batu di Tanjung Kubong di bawah pentadbiran British North Borneo Chartered Company.

Banyak hipotesis telah diutarakan berhubung fungsi sebenar menara tersebut, namun sehingga kini fungsi sebenarnya masih tidak dapat dikenal pasti walaupun selepas proses membaik pulih dijalankan.

Tambah Nurlina, bagi memelihara khazanah tersebut, Jabatan Muzium dan



**PERALATAN** lama yang digunakan untuk melombong arang batu.

dapat disiapkan dua tahun kemudiannya kerana proses kerja yang rumit agar keaslian terpelihara.

“Walaupun kegiatan perlombongan itu telah lama berlalu, namun kesan peninggalannya tetap terhimpun dalam

NURLINA (kanan) memberi penerangan kepada pengunjung.

31 JAN 2019  
U.R.D  
M.B.P.J

RENCANA UTAMA



Muzium Chimney yang dibina di atas tapak bekas lombong itu,” ujarnya.

### Terkejut

Sementara itu, seorang penduduk, **Muhammad Defri Musa Herman, 27**, berkata, Wilayah Persekutuan Labuan merupakan sebuah pulau yang dipenuhi dengan sejarahnya yang tersendiri.

Ujarnya yang pernah bekerja sebagai pemandu pelancong, pengunjung yang datang ke sini sering terkejut dan tidak menyangka bahawa Labuan juga turut terkenal dengan sejarah perlombongan arang batu.

“Kebanyakan daripada pelancong yang saya temui menyangkakan bahawa industri arang batu hanya galak dijalankan di Batu Arang, Selangor dan Enggor, Perak. Hakikatnya di sini juga ada aktiviti tersebut dijalankan.

“Tambahan pula, hasil peninggalan industri tersebut di Labuan antara yang masih utuh dan kekal terpelihara,” katanya.

Cerita Muhammad Defri, sejarah Labuan bukan hanya pada industri itu sahaja tetapi turut melibatkan peristiwa-peristiwa besar di dunia seperti tapak penyerahan Jepun dan taman Memorial Peringatan Perang Dunia Kedua.

**TANJUNG** Kubong terletak kira-kira 12 kilometer di utara bandar Labuan.




**MUHAMMAD DEFRI**

khazanah tersebut, Jabatan Muzium dan Antikuiti telah mengambil inisiatif untuk melakukan kerja-kerja membaik pulih ke atas Menara Chimney yang pada asalnya berkeadaan uzur dan rosak.

Jelasnya, sebahagian besar batu-batu permukaan menara telah pecah, retak dan terhakis disebabkan faktor terlalu lama ditinggalkan.

“Kerja-kerja membaik pulih menara itu telah dimulakan pada tahun 1997 dan hanya



EMPAT menyimpan arang batu sebelum diambil alih Jepun

# Pelajari sejarah melalui muzium

MUZIUM sememangnya sering dianggap sebagai lokasi menyimpan dan mempamerkan barang-barang bersejarah bagi sesuatu peristiwa dan kawasan.

Disebabkan itu, kebanyakan muzium didirikan di kawasan-kawasan yang mempunyai sejarah tersendiri seperti di Muzium British di Britain, Galeri Uffizi (Itali), Muzium Mesir (Mesir) dan Muzium Hermitage (Rusia).

Hal ini tidak kurang jika dibandingkan di Malaysia, dianggarkan terdapat lebih 70 buah muzium yang dibina oleh pihak kerajaan mahupun swasta.

Bagaimanapun, jika dilihat secara lebih meluas, hakikatnya muzium turut mempunyai peranan yang jauh lebih besar.

**Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman, Jabatan Muzium Malaysia, Mohd. Azmi Mohd. Yusof**

berkata, muzium bukan sekadar berfungsi sebagai tempat mempamerkan barang lama tetapi juga menjadi salah satu kaedah membantu masyarakat memahami sesuatu sejarah.

“Di muzium, barangan yang dipamerkan akan turut disertakan dengan perincian tertentu.

Daripada situ pengunjung akan dapat mempelajari dan memahaminya.

“Bagi mempelajari sesuatu perkara, adalah lebih mudah untuk memahaminya melalui pengalaman berkunjung ke muzium untuk melihatnya sendiri berbanding sekadar membaca buku semata-mata,” katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.



MOHD. AZMI

Tambah Mohd. Azmi, mengenali sesuatu sejarah sama ada peperangan atau peristiwa sekalipun merupakan perkara yang sangat penting kerana ia mampu mendidik generasi akan datang dan seterusnya mengelakkan mereka mengulangi kesilapan yang sama.

“Selain memberi kefahaman terhadap sesuatu, kunjungan ke muzium juga dapat membentuk individu dan seterusnya melahirkan warganegara berjati diri tinggi serta cintakan tanah air.

“Dengan jumlah muzium yang banyak, ini jelas menunjukkan peranan muzium yang bukan sekadar menyimpan bahan pameran, artifak lama dan gambar tetapi juga sebagai wadah mendidik bangsa khususnya rakyat Malaysia sendiri,” ujarnya.